



**MANUAL PROSEDUR KERJA (SOP)
GARIS PANDUAN PERMOHONAN TARIK DIRI
PROGRAM TAMHIDI USIM**

**Borang Permohonan
Tarik Diri
(USIM/PT/TD/2017/001)**

Borang tersebut boleh didapati di Pejabat atau di laman sesawang Pusat Tamhidi. Borang ini terpakai untuk pelajar warganegara, dan juga kepada pelajar bukan warganegara yang mengikuti Program Persediaan Pelajar Antarabangsa (*Preparatory Programme for International Students*).

Tindakan: Pelajar

Borang 'Clearance'

Borang 'Clearance' berada di muka surat akhir Borang Permohonan Tarik Diri untuk diselesaikan oleh Pelajar termasuk Pemulangan Kad Matrik, penarikan bantuan elaun Sara Diri, pemulangan Kunci Bilik Kolej Kediaman, pemulangan buku-buku perpustakaan, serta menjelaskan semua bayaran yuran tertunggak (jika ada) dengan mendapatkan tandatangan daripada pegawai-pegawai terlibat sebelum penarikan diri daripada Program Tamhidi

Tindakan: Pelajar

Tukar Status Pelajar

Pusat akan mengubah status pelajar kepada 'Tarik Diri' di dalam Sistem Tamhidi. Tarikh berkuatkuasa penarikan diri pelajar adalah berdasarkan tarikh Borang 'Clearance' pelajar yang telah lengkap. Sebarang rayuan untuk mendaftar masuk semula selepas penarikan diri tidak akan dilayan.

Tindakan: PTK

Surat Rasmi Penarikan Diri

Pusat akan mengeluarkan surat rasmi bertulis kepada pelajar menandakan pelajar telah menarik diri daripada Program Tamhidi.

Tindakan: PTK dan PP

Disediakan oleh:
Penolong Pendaftar (Akademik)
Pusat Tamhidi

Diperakukan oleh:
Pegarah
Pusat Tamhidi